

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]
TARIKH : 16 MEI 2016
SOALAN :

YB Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai nama-nama hospital besar dan hospital daerah yang mempunyai Unit OSCC mengikut pecahan negeri serta bilangan kes dari Unit OSCC yang telah dirujuk kepada pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan OSCC disediakan oleh Jabatan Kecemasan dan Trauma di seluruh negara yang beroperasi selama 24 jam sehari. Terdapat 130 buah hospital di Malaysia yang mempunyai bilik khas bagi menjalankan perkhidmatan OSCC di Jabatan kecemasan dan Trauma. Walaupun sebilangan kecil hospital masih tidak mempunyai bilik atau ruang khas untuk perkhidmatan OSCC namun perkhidmatan ini sentiasa disediakan 24 jam sehari setiap hari.

Bagi hospital-hospital tanpa pakar, kes-kes OSCC akan dirujuk ke hospital yang mempunyai pakar bagi rawatan dan pengurusan kes seterusnya.

Pada tahun 2015 terdapat sekurang-kurangnya 2,115 kes yang dikendalikan di OSCC. Walaubagaimanapun data yang dikumpul ini masih belum lengkap. Semua kes OSCC secara amnya dirujuk kepada pihak polis. Pihak KKM tidak mengumpul maklumat mengenai jumlah tindakan susulan yang diambil pihak polis.